

**Malaysia-UAE merapatkan jurang untuk mengatasi kekurangan makanan - mencapai potensi pelaburan bernilai RM455 juta (USD108 juta/AED397 juta)**

*Hampir 40,000 peserta berkumpul di Minggu Pertanian Lestari, 12 MoU ditukar*

**DUBAI, 26 Februari 2022** – Malaysia menarik potensi perdagangan dan pelaburan bernilai RM455 juta (USD108.34 juta/AED397.94 juta) semasa Minggu Pertanian Lestari di Pavilion Malaysia, EXPO 2020 Dubai, seterusnya jauh melangkaui sasaran RM350 juta.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) menjadi hos bagi minggu itu yang berlangsung dari 21 hingga 26 Februari, dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation), sebagai agensi pelaksana.

Minggu itu menyaksikan hampir 40,000 pengunjung yang menghadiri Pavilion Malaysia dan mengambil bahagian dalam program-program Pertanian Lestari, termasuk pamerannya, pameran buah-buahan tropika, demonstrasi memasak, pelancaran produk, ceramah poket, dan pertukaran MoU. Minggu itu juga menarik delegasi dari Senegal, Ivory Coast, Namibia, Jepun, India dan Slovakia yang berminat untuk menerokai pertanian lestari Malaysia.

20 syarikat dan pempamer Malaysia telah mencapai 70 potensi perniagaan dengan rakan kongsi antarabangsa yang lain semasa ekspo itu, selain daripada 12 Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditukar dengan Emiriah Arab Bersatu (UAE), Jerman, Sweden, Maldives dan Mesir.

Selain itu, lebih daripada 40 syarikat terlibat dalam pepadanan perniagaan digital melalui laman mikro MAFI [www.mafi-events.com](http://www.mafi-events.com). Lebih banyak aktiviti perniagaan dijangka akan berterusan melalui laman mikro ini selepas Minggu Pertanian Lestari.

Ketua Setiausaha MAFI, Dato' Haslina Abdul Hamid berkata pencapaian yang direkodkan pada minggu itu mencerminkan masa depan yang cerah untuk pertanian lestari di Malaysia dan membuktikan bahawa negara-negara lain, terutamanya UAE, berminat untuk bekerjasama rapat dengan Malaysia dalam membangunkan pertanian lestari. Beliau menambah bahawa kerjasama dua hala dalam sektor pertanian antara Malaysia dan UAE telah membuka peluang untuk pertumbuhan selanjutnya dalam perdagangan pertanian.

“Kedua-dua negara memberi kepentingan dalam meningkatkan keselamatan makanan untuk menjaga bekalan makanan bagi rakyat dan penduduk mereka.

Kepentingan ini jelas melalui pengenalan UAE National Food Security Strategy 2051 dan pelbagai inisiatif serta program yang terdapat di bawah strategi ini.

Dalam hal yang sama, Malaysia mempunyai inisiatif sendiri untuk mengukuhkan keselamatan makanan melalui Jawatankuasa Kabinet bagi Dasar Keselamatan Makanan Negara. Melalui jawatankuasa ini, pelbagai program dan inisiatif telah digariskan untuk meningkatkan keselamatan makanan di Malaysia.

Dalam perkara ini, Malaysia berharap kerjasama baharu dengan UAE akan merapatkan jurang dalam usaha untuk mengatasi batasan dan kesukaran semasa bagi menghasilkan makanan akibat perubahan iklim,” kata Haslina ketika merumuskan sasaran dan pencapaian pada akhir Minggu Pertanian Lestari hari ini.

EXPO 2020 Dubai pada mulanya ditangguhkan berikutan pandemik COVID-19. Dengan pelonggaran sekatan perjalanan, ekspo itu kemudiannya dilancarkan pada 1 Oktober tahun lalu dan akan berlangsung sehingga 31 Mac tahun ini.

### **Perkongsian dan projek baru dalam pertanian lestari**

Beberapa perkongsian baharu berbentuk swasta dan awam antara Malaysia dan UAE telah dibina semasa minggu Pertanian Lestari. Sepanjang aktiviti pepadanan perniagaan semasa minggu itu, 20 peserta pameran dari Malaysia menarik 70 potensi perniagaan dengan potensi jualan bernilai RM143.75 juta dalam pelbagai bidang pertanian, termasuk agromakanan, penyelesaian pertanian pintar, pertanian bandar pintar, agri-bioteknologi, sisa-kepada-kekayaan, akuakultur, dan biodiversiti kepada kesejahteraan.

Antara projek baharu yang dibentuk hasil daripada mesyuarat MAFI dengan organisasi UAE termasuk pemeteraian MoU antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Pusat Pertanian Biosalin Antarabangsa (ICBA) pada 21 Februari sempena minggu Pertanian Lestari.

“Dengan ICBA, Malaysia ingin lebih bekerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) khususnya dalam mata pencarian mampan dan keselamatan makanan dalam persekitaran kecil.

Kedua-dua pihak juga telah mencapai kata sepakat mengenai projek R&D bersama untuk meningkatkan pengeluaran beras di kawasan yang terjejas tekanan garam,” kata Dato’ Haslina.

Perbincangan semasa minggu Pertanian Lestari juga menghasilkan kerjasama yang akan dilaksanakan dalam sistem pertanian pintar bersama Pihak Berkuasa Pertanian & Keselamatan Makanan Abu Dhabi (ADAFSA), di mana Malaysia boleh bekerjasama dengan hubungan ADAFSA dalam membangunkan teknologi dalam menambah baik pengairan dan memberi tumpuan kepada projek perubahan iklim.

Haslina menyatakan bahawa kerjasama dan perbincangan itu menawarkan peluang kepada kedua-dua negara untuk saling mendapat manfaat daripada kekayaan pengetahuan dan pengalaman masing-masing dalam sains, pelaburan, dan penyesuaian terbaik di peringkat komuniti dan negara untuk memastikan keselamatan makanan.

“Dari sudut pandangan Malaysia, kita perlu mempercepatkan peralihan kepada makanan dan pertanian lestari dengan pembangunan penyelidikan dan teknologi. Sistem pertanian UAE juga boleh memberi manfaat kepada Malaysia dalam pertanian lestari pada masa hadapan.”

## **TENTANG MINGGU PERTANIAN LESTARI**

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) merupakan kementerian peneraju bagi segmen Minggu 21: Pertanian Lestari di Pavilion Malaysia, EXPO 2020 Dubai dari 21 hingga 26 Februari 2022, berpaksikan konsep “Makanan Kita, Masa Depan Kita”.

Minggu ini menyaksikan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) sebagai agensi pelaksana dengan penyertaan daripada 20 syarikat pameran, 11 jabatan/agensi di bawah MAFI, serta syarikat-syarikat dari Malaysia yang mengambil bahagian secara maya.

Untuk maklumat lebih lanjut, layari [www.mafi-events.com](http://www.mafi-events.com)

Untuk mengetahui kisah syarikat-syarikat yang memacu pertanian lestari di Malaysia, imbas kod:



## **MENGENAI BIOECONOMY CORPORATION**

Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) merupakan agensi pembangunan ekonomi utama bagi industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 2005, Bioeconomy Corporation berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian & Industri Makanan (MAFI) sejak November 2018 dan merupakan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Bioeconomy Corporation memberi sokongan, kemudahan dan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan, pelaburan, R&D, pembangunan modal insan, infrastruktur kewangan, rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan, pembangunan strategik, dan sokongan kerajaan. Melalui perkhidmatan ini, Bioeconomy Corporation membangunkan komuniti perniagaan, akademik, dan saintifik yang memacu industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia.

Melalui Bioeconomy Corporation, Kerajaan menganugerahkan Status BioNexus kepada syarikat antarabangsa dan Malaysia terpilih yang menjalankan aktiviti bioteknologi, berasaskan bio atau sains hayat. Dengan status ini, syarikat BioNexus menerima insentif fiskal, fasilitasi dan jaminan lain yang diuruskan oleh Bioeconomy Corporation bagi membantu pembangunan syarikat.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bioeconomycorporation.my](http://www.bioeconomycorporation.my)

## **MENGENAI PAVILION MALAYSIA DI EXPO 2020 Dubai**

Pavilion Malaysia seluas 1,234.05 meter persegi adalah pavilion karbon sifar bersih pertama di Expo 2020 Dubai. Pavilion ini menampilkan konsep kanopi hutan hujan yang diilhamkan oleh hutan hujan tropika Malaysia yang megah, serta menggabungkan unsur budaya dan alam semula jadi dengan fungsi bangunan futuristik.

Pavilion tersebut membawa tema "Memperkasa Kemampanan (Energising Sustainability)" bagi menampilkan komitmen dan pendekatan negara dalam pembangunan mampan. Ia dibahagikan kepada empat tema kecil - "Energising Today", "Energising Tomorrow", "Energising Harmony" dan "Energising Business". Aktiviti Malaysia sempena EKSP0 merangkumi pameran tetap termasuk paparan 3D, persembahan kebudayaan harian, demonstrasi kraf, operasi kafe serta 26 program perdagangan dan perniagaan bertema mingguan.

Program mingguan perniagaan tersebut akan melibatkan kontinjen besar yang terdiri daripada 21 kementerian, 70 jabatan dan agensi serta lima kerajaan negeri yang menerajui serta menyokong program-program tersebut. Mereka juga akan membawa delegasi perniagaan mingguan daripada industri yang akan mengambil bahagian dalam ceramah kecil, pelancaran produk, sesi padanan perniagaan dan menandatangani MoU/dokumen kerjasama. Pavilion Malaysia juga akan menjadi tuan rumah serta mengambil bahagian dalam sidang kemuncak dan forum sepanjang Ekspo.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi adalah kementerian peneraju bagi penyertaan Malaysia di acara dunia ini (Expo 2020 Dubai). Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation adalah agensi pelaksana.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

**Nur Akmar Yusoff**

Eksekutif

Komunikasi Strategik

Malaysian Bioeconomy Development Corporation

Tel: +6012 690 6108

Emel: [akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my](mailto:akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my)

**Jane Ritikos**

PR & Pengurus Media

Malaysia Pavilion di EXPO 2020 Dubai

Tel: +60193871991/ +971 562937331

Emel: [janeritikos@gmail.com](mailto:janeritikos@gmail.com)

## **Malaysia-UAE bridges gap to overcome food shortage – seals over RM455 million (USD108 mil/AED397 mil) investments**

*Almost 40,000 participants converge at Sustainable Agriculture Week, 12 MoUs exchanged*

**DUBAI, 26 February 2022** – Malaysia far exceeded its expectations when it attracted USD108.34 million (AED397.94 million) in potential trade and investments during the Sustainable Agriculture Week at EXPO 2020 Dubai.

The Ministry of Agriculture and Food Industries Malaysia (MAFI) hosted the week, which ran from February 21 to 26, with the Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation), as the implementing agency.

The week saw close to 40,000 visitors who attended the Malaysia Pavilion and participated in Sustainable Agriculture programmes, including its exhibition, tropical fruit showcase, cooking demonstrations, product launches, pocket talks, and MoU exchanges. The week also attracted delegates from Senegal, Ivory Coast, Namibia, Japan, India, Suriname, and Slovakia who were interested in exploring Malaysia's sustainable agriculture.

This resulted in 20 companies securing 70 business leads with other international partners at the expo besides the 12 Memorandum of Understanding (MoUs) exchanged with the United Arab Emirates (UAE), Germany, Sweden, Maldives, and Egypt.

In addition, over 40 companies were involved in digital business matching through MAFI's microsite [www.mafi-events.com](http://www.mafi-events.com). More business activities are expected to continuously happen through the microsite beyond Sustainable Agriculture Week.

Secretary General of MAFI, Dato' Haslina Abdul Hamid said the achievements recorded during the week hold a bright future for sustainable agriculture in Malaysia and prove that other nations, especially the UAE, are interested to work closely with Malaysia in developing sustainable agriculture. She added that bilateral cooperation on agriculture between Malaysia and the UAE has opened up the possibilities for further growth in the agriculture trade.

“Both countries are giving importance on strengthening food security to safeguarding food supply for their citizens and residents.

“This is reflected through UAE’s introduction of UAE National Food Security Strategy 2051 and the various initiatives and programs that comes under this strategy.

“On the same note, Malaysia has its own initiative to strengthen food security through her Cabinet Committee for National Food Security Policy. Through this committee, various programs and initiatives have been outlined to increase food security in Malaysia.

“In this matter, Malaysia hopes new collaboration with UAE will enable to bridge the gap in its effort to overcome the current limitations and difficulties to produce food due to climate change,” said Haslina when summing up the targets and achievements at the end of the Sustainable Agriculture Week today.

EXPO 2020 Dubai was initially postponed owing to the Covid-19 pandemic. With the easing of travel restrictions, the expo was subsequently launched on October 1 last year and will run until March 31 this year.

### **New partnerships and confirmed projects**

New forms of private and public partnerships between Malaysia and UAE were formed during Sustainable Agriculture week. Over the course of business matching activities throughout the week, 20 exhibitors from Malaysia attracted 70 business leads with RM143.75 million worth of potential sales in various areas of agriculture, including agrofood, smart farming solutions, smart urban farming, agri-biotechnology, waste-to-wealth, aquaculture, and biodiversity to wellness.

Among the new confirmed projects inked from MAFI’s meetings with UAE organisations include the signing of MoU between Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) and the International Centre of Biosaline Agriculture (ICBA) on February 21 in conjunction with Sustainable Agriculture week.

“With ICBA, Malaysia’s main concern is more on research and development (R&D) joint collaboration specifically in sustainable livelihoods and food security in marginal environment.

“Both parties have also reached consensus on joint R&D projects to improve rice production at salt stress affected areas,” said Haslina.



Discussions during Sustainable Agriculture week also saw a collaboration being struck in smart agriculture system with Abu Dhabi Agriculture & Food Safety Authority (ADAFSA), whereby Malaysia can work together with ADAFSA linkages in developing technologies in improving irrigation and focus on climate change projects.

Haslina stated that the collaborations and discussions offered an opportunity for both countries to mutually benefit from each other's wealth of knowledge and experiences on the best available science, investment, and adaptation at community and country level to ensure food security.

“As for Malaysia's view, we need to accelerate the transition to sustainable food and agriculture with research and technologies development. UAE's agriculture system could also benefit Malaysia in sustainable agriculture in future.”

## **ABOUT SUSTAINABLE AGRICULTURE WEEK**

The Ministry of Agriculture and Food Industries Malaysia (MAFI) is the lead ministry for Week 21: Sustainable Agriculture segment at the Malaysia Pavilion, EXPO 2020 Dubai from 21 to 26 February 2022, centred on the concept of “Our Food, Our Future”.

This week sees Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) as the implementing agency with participation from 20 exhibiting companies, 11 departments/agencies under MAFI, as well as companies from Malaysia that are participating virtually.

For more information, visit [www.mafi-events.com](http://www.mafi-events.com)

To learn more about the exhibitors' stories and how they champion



sustainable agriculture, scan:

## **ABOUT BIOECONOMY CORPORATION**

Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) is the leading economic development agency for the biotechnology and bio-based industries in Malaysia. Established in 2005, Bioeconomy Corporation is owned by the Minister of Finance Incorporated and Federal Lands Commissioner and has been under the purview of the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) since November 2018.

Bioeconomy Corporation provides support, facilitation, and advisory services to nurture an enabling ecosystem of business, academic and scientific communities that drives the biotechnology and biotechnology and bio-based industries in Malaysia. These cover business, investment, R&D, human capital development, financial infrastructure, legal and regulatory framework and strategic development with government support and commitment.

The Government awards the BioNexus Status to qualified international and Malaysian companies through Bioeconomy Corporation, undertaking value-added biotechnology, bio-based or life science activities. The special status bestows the companies with fiscal incentives, facilitation, and other guarantees to assist their growth.

For further details, visit [www.bioeconomycorporation.my](http://www.bioeconomycorporation.my)

## **ABOUT MALAYSIA PAVILION AT EXPO 2020 Dubai**

Malaysia's self-built 1,234.05 sq meter pavilion is the first net zero carbon pavilion at the EXPO. The Pavilion features a rainforest canopy inspired by the majestic tropical rainforest of Malaysia, blending cultural elements with nature and functionality into a futuristic building.

The Pavilion carries the theme "Energising Sustainability" to represent the nation's commitment and approach to sustainable development. It is segmented into four sub-themes; "Energising Today", "Energising Tomorrow", "Energising Harmony" and "Energising Business". Malaysia's activities during the EXPO will include permanent 3D displays, daily cultural performances, craft demonstrations, café operations as well as 26 weekly thematic trade and business programmes.

The business weeks will involve a large contingent of 21 ministries, 70 departments and agencies and five state governments initiating and supporting the programmes. They will also bring weekly business delegations from the industry that will participate in pocket talks, product launches, business matching sessions and signing of MoUs. Malaysia Pavilion will also host and participate in summits and forums throughout Expo.

The Ministry of Science, Technology and Innovation is the lead ministry for Malaysia's participation at the mega event. Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) is the implementing agency.

For media inquiries, kindly contact:

Nur Akmar Yusoff  
Executive  
Strategic Communication  
Malaysian Bioeconomy Development Corporation  
Mobile: +6012 690 6108  
Email: [akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my](mailto:akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my)

Jane Ritikos  
PR & Media Manager  
Malaysia Pavilion at Expo 2020 Dubai  
Mobile: +60193871991/ +971 562937331  
Email: [janeritikos@gmail.com](mailto:janeritikos@gmail.com)